

Usul Yang Dibincangkan dan Diputuskan Dalam Mesyuarat MBJ

Bil. 1 Tahun 2022 Bertarikh 29 Mac 2022

| Bil. | Usul | Keputusan |
|-------------|---|--|
| 1. | <p>Pengoperasian semula kafetaria Aras 1 bagi penjualan makanan di waktu pagi dan tengah hari.</p> | <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) masalah sistem saliran air tersumbat dan spesifikasi kafeteria yang perlu ditambah baik akan memerlukan peruntukan kewangan yang besar dan mengambil masa. Ketiadaan jualan makanan di kafeteria menyebabkan kesukaran mendapatkan makanan di waktu pagi dan ketika wakti rehat; (b) pihak pekerja memohon untuk membenarkan kafeteria Aras 1 beroperasi semula sebagai tempat jualan. Pihak pekerja akan berusaha mendapatkan khidmat pengendali makanan yang telah menyediakan makanan dan minuman berkonsepkan bungkus atau '<i>ready to eat meals</i>'; (c) sebagai permulaan, dicadangkan tiada sebarang caj sewaan tapak bagi tiga (3) bulan pertama dikenakan kepada pengendali makanan, tetapi dikenakan bayaran deposit kepada pengendali makanan sebagai jaminan untuk mematuhi terma-terma awal yang ditetapkan oleh pemilik bangunan; (d) BHEUU telah mengenal pasti cadangan lokasi baharu kafeteria iaitu di bilik KSK dan sedang menyediakan perancangan bersama pihak Jabatan Kerja Raya untuk menyediakan pelan lantai dan mendapatkan kelulusan dari Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. |

| | | |
|----|---|---|
| | | <p>Walau bagaimanapun, perancangan ini masih tertakluk kepada peruntukan kewangan sedia ada jabatan; dan</p> <p>(e) PUSPANITA BHEUU juga telah mengadakan jualan makanan pada setiap hari Rabu dan Jumaat.</p> <p>Mesyuarat <u>bersetuju</u> supaya keperluan kafetaria bagi warga kerja di bangunan BHEUU dapat disediakan dengan mengambilkira pandangan seperti di perenggan di atas.</p> |
| 2. | Pembukaan Semula Pintu Utama Di Blok Utara, Bangunan BHEUU | <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa terdapat permintaan untuk membuka semula pintu di Blok Utara selepas peralihan ke fasa endemik mulai 1 April 2022.</p> <p>Mesyuarat <u>bersetuju</u> supaya permohonan ini ditangguhkan atas faktor kawalan keselamatan untuk mengelakkan sebarang risiko pencerobohan masuk oleh orang luar yang tidak dikenali.</p> |